



TEKS UCAPAN

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PEMERIKSAAN KESELAMATAN
PENDAWAIAN ELEKTRIK (*PREVENTIVE MAINTENANCE*)
PERINGKAT PARLIMEN BERA**

DISEMPURNAKAN OLEH:

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**BERTEMPAT DI
KAMPUNG BOHOR BARU, BERA PAHANG
PADA 6 NOV 2016 (AHAD) JAM 10.00 PAGI**

Assalamualaikum wrt. wbt., Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia.

SALUTASI SEWAJARNYA

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah sama-sama kita panjatkan kesyukuran hadrat Allah swt, kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, maka kita dapat bersama hadir di Majlis Perasmian Program Pemeriksaan Keselamatan Pendawaian Elektrik Peringkat Parlimen Bera pada pagi ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengerusi GIATMARA, YBhg. Dato' Haji Azian Bin Haji Osman dan Ahli Pengurusan tertinggi GIATMARA kerana menjemput saya sebagai perasmi program pada hari ini.

2. Diawal ucapan saya ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada GIATMARA kerana mengambil inisiatif untuk melaksanakan Program Pemeriksaan Keselamatan Pendawaian Elektrik di kampung-kampung di Parlimen Bera ini sebagai satu langkah kerja yang sangat dipuji. Ianya menjadi hasrat kementerian untuk menjadikan kampung kita selamat, sejahtera dan harmoni selamanya.

OBJEKTIF PROJEK PEMERIKSAAN KESELAMATAN PENDAWAIAN ELEKTRIK GIATMARA

3. Program Pemeriksaan Keselamatan Pendawaian Elektrik yang dilaksanakan oleh GIATMARA ini merupakan satu inisiatif baru yang diketengahkan melalui sistem pendidikan kemahiran secara latihan yang sebenar. Saya difahamkan pemeriksaan keselamatan di rumah-rumah di dua kampung ini dilakukan oleh pelatih GIATMARA yang sedang dalam latihan dari bidang Pendawaian Elektrik dan di pantau oleh tenaga pengajar mereka. Tenaga Pengajar GIATMARA adalah mereka yang berpengalaman luas dalam bidang elektrikal dan bertauliah dengan Suruhanjaya Tenaga (ST).

4. Pelatih GIATMARA ini tidak hanya belajar di bengkel mereka di GIATMARA, tetapi hari ini mereka mendapat ilmu kemahiran melalui **latihan sebenar** dengan memeriksa keselamatan rumah tuan-puan dan membuat penyelenggaraan pembaikan terus. Saya memuji usaha ini, ianya bukan sahaja memberi kebaikan kepada pelatih GIATMARA yang sedang dalam latihan, tetapi memberi keuntungan

kepada tuan rumah di Kampung Bohor Baru dan Kampung Bukit Serdang ini. Apa tidaknya mereka mendapat pembaikan *wiring* elektrik secara percuma dari anak didik GIATMARA dan dipantau oleh guru mereka.

5. Terima kasih kepada pelatih dan tenaga pengajar yang terlibat, saya mewakili pihak Kementerian tempat GIATMARA bernaung ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada mereka. Semoga usaha ini dapat diteruskan ke kampung yang lain juga, selain memberi manfaat kepada tuan rumah ianya memberi manfaat kepada pelatih GIATMARA, disamping menambah kemahiran dalam bidang elektrik, program ini juga dapat mendidik mereka menjadi insan yang tinggi nilai murni melalui program kemasyarakatan seperti ini.

GIATMARA & REFORMASI PENDIDIKAN LATIHAN KEMAHIRAN NEGARA

6. GIATMARA merupakan agensi terpenting bagi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan gagasan GIATMARA memberi tumpuan dalam menghasilkan modal insan meliputi golongan usahawan, tenaga kerja kompeten, professional dan talent kepada negara.

7. Pembangunan Modal Insan yang diterapkan di GIATMARA adalah selari dengan Konsep Pendidikan Tvet (*Technival & Vocational Education Training*) negara. Malaysia dalam perancangan menuju sebuah negara maju berpendapatan tinggi melihat salah satu usaha strategi yang perlu dilaksanakan ialah melalui amalan pendidikan. Kerajaan Malaysia berbelanja besar terutamanya bagi manakitarfkan sistem pendidikan teknikal dan vokasional. Pelbagai langkah dan strategi diatur bagi merealisasikan impian tersebut. Reformasi sistem pendidikan negara secara keseluruhannya mencerminkan kesungguhan negara bergerak melangkah ke arah persaingan tersebut dengan pembentukan insan bertaraf dunia, memastikan pendidikan seawal mungkin, kebertanggungjawaban sekolah sebagai institusi pendidikan dan keberkesanan guru menjadi faktor utama yang di beri penekanan. Manakala sistem pendidikan TVET pula diberi nafas baru seperti mengarusperdanakan pendidikan latihan kemahiran.

8. Kementerian Pendidikan sudah memberi kepercayaan kepada GIATMARA untuk melatih pelajar lepasan PT3 di GIATMARA dengan memberi latihan kemahiran dan mereka akan mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di GIATMARA. Setakat ini seramai 1638 orang pelajar telah dilatih dalam Program Program Kemahiran Pendidikan Vokasional (PKPV). Sesiapa yang berminat untuk menyertai latihan PKPV ini, boleh lah hubungi sekolah masing-masing dan membuat permohonan, insyaallah tidak rugi apa-apa malahan memberi kebaikan yang sangat besar kepada anak-anak ini.

9. Kepada Ketua Jkkl Kampung Bohor Baru dan Kampung Bukit Serdang, jangan lah merasa ragu dengan latihan kemahiran di GIATMARA. Boleh suruh anak-anak dan belia kita yang tidak menyambung pengajian ke universiti, boleh lah mendaftar di GIATMARA untuk mendapat ilmu kemahiran yang sebaiknya. Kerajaan memberi ruang dan peluang yang banyak kepada masyarakat bumiputera khususnya untuk meningkatkan diri dan dengan ilmu kemahiran dapat menjamin masa depan sendiri dan membantu menaikkan ekonomi Negara seperti yang dihasratkan oleh kita semua.

10. Walau bagaimana pun, kita perlu terus berusaha agar kejayaan yang ada pada hari ini dijadikan landasan untuk kita meningkatkan lagi kedudukan ekonomi Bumiputera supaya kita terus berjaya melahirkan **masyarakat yang berpendapatan tinggi seiring dengan status negara maju.**

11. Saya selaku Menteri di Kementerian yang menaungi MARA dan GIATMARA, saya mahu GIATMARA menjadi *transformation agent* kepada masyarakat Bumiputera supaya kita boleh membawa mereka ke tahap yang lebih tinggi. Untuk itu, GIATMARA didoakan semoga terus maju ke hadapan dan memperjuangkan agenda bumiputera dan membantu Negara membina anak bangsa dengan memenuhi ilmu didada melalui latihan vokasional yang tidak dinafikan keberkesannya.

12. Apa yang kita harapkan agar usaha yang kita rencanakan bagi mendepani 50 tahun akan datang bakal menjadikan GIATMARA sebagai sebuah **organisasi yang unggul dan diberkati demi mengangkat martabat bangsa.**

13. Dengan kata-kata itu dan dengan lafaz yang sangat mulia, **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan ini merasmikan Majlis **Perasmian Pemeriksaan Keselamatan GIATMARA Peringkat Parlimen Bera.**

Sekian, wabillahitaufiq wal hidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih.